



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PELAKSANAAN OPS GASAK 2025 BAGI MEMBENDUNG PENYELEWENGAN SUBSIDI LPG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melancarkan OPS GASAK 2025 bermula 1 Mei 2025 sebagai sebahagian daripada inisiatif gerakan membanteras manipulasi dan ketirisan (KITA GEMPUR). Operasi ini adalah bertujuan untuk membanteras penyelewengan subsidi gas petroleum cecair (LPG) termasuk yang disalahgunakan oleh sektor tidak layak dalam industri komersial dan perniagaan berskala besar.

Sepanjang tempoh pelaksanaan dari 1 Mei hingga 15 Mei 2025, sebanyak 66 kes berjaya direkodkan dengan jumlah nilai rampasan mencecah RM875 ribu yang melibatkan LPG bersubsidi dan barang lain berkaitan. Data ini jelas menunjukkan keberkesaan pelaksanaannya dalam usaha mengurangkan ketirisan dan penyelewengan subsidi khususnya melibatkan penggunaan LPG oleh sektor yang tidak layak.

Pelaksanaan OPS GASAK ini turut melibatkan advokasi ke atas restoran, penjaja dan pengusaha dobi bagi memiliki permit sah di bawah Peraturan-Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 dan premis tersebut dinasihatkan untuk bersedia bagi peralihan kepada LPG industri atau komersil pada masa akan datang. Mana-mana pengusaha yang menjalankan perniagaan atau perdagangan, menggunakan LPG melebihi 42kg pada satu masa diwajibkan memohon Permit Barang Kawalan Berjadual (PBKB). Antara sektor yang terlibat termasuk:

1. Industri perkilangan;
2. Sektor F&B (makanan dan minuman);
3. Penternakan;
4. Perkhidmatan dobi; dan
5. Restoran berskala besar dan rangkaian makanan.

Salah satu bentuk penyelewengan yang menjadi sasaran dalam OPS GASAK 2025 ialah kegiatan *decanting* secara tidak sah iaitu pemindahan LPG secara haram daripada tong bersubsidi ke tong industri atau komersial. Aktiviti ini bukan sahaja melanggar undang-undang, malah amat berbahaya dari sudut keselamatan serta telah menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan akibat penyalahgunaan subsidi oleh pihak tidak bertanggungjawab. Ia juga satu tindakan boleh dianggap mengambil kesempatan atas kemudahan untuk rakyat yang layak. KPDN tidak menolak kegiatan ini juga melibatkan rantai pengedaran sah dan mewujudkan pasaran gelap LPG.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, KPDN turut melaksanakan pendekatan advokasi dan pendidikan kepada pihak industri dan pengguna. Sesi libat urus, taklimat kesedaran serta penyebaran maklumat dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan pemahaman mengenai peraturan dan syarat kelayakan penggunaan LPG bersubsidi. Dasar penggunaan LPG bersubsidi adalah jelas iaitu mengikut perbezaan kategori pengguna dan LPG yang dibenarkan seperti berikut:

1. LPG bersubsidi hanya dibenarkan untuk kegunaan isi rumah dalam bentuk silinder bersaiz 10kg, 12kg, dan 14kg;
2. Silinder LPG bersaiz 50kg adalah khas untuk kegunaan industri dan tidak diberikan subsidi oleh Kerajaan; dan
3. Terdapat silinder bersaiz 14kg yang tidak bersubsidi dikeluarkan oleh syarikat minyak (dengan perbezaan warna silinder) bagi tujuan pengguna industri.

Harga LPG bersubsidi adalah dikawal di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] dengan harga kawalan RM1.90/kg yang mana harga runcit bagi silinder LPG bersubsidi 14kg adalah RM26.60.

KPDN menegaskan bahawa ops ini bukan bertujuan untuk menarik balik subsidi LPG daripada pengguna yang layak. Sebaliknya, ia adalah penguatkuasaan terhadap peraturan sedia ada bagi memastikan subsidi tersebut sampai kepada golongan sasaran yang memerlukan. Ketirisan subsidi LPG menyebabkan implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan dengan anggaran mencecah melebihi RM3 bilion setahun.

KPDN juga tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan yang tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati terlibat dan melanggar peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan. tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga atau mana-mana orang yang disyaki melakukan kesalahan menyeleweng LPG bersubsidi dan siasatan dijalankan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122]. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta 122 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda seperti berikut:

- i. Individu: Denda tidak melebihi RM1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta) atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta) atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya.
- ii. Syarikat: Denda tidak melebihi RM2,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta) manakala bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta).

Selain itu, siasatan juga akan dijalankan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat pelucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram.

Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan juga didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi.

KPDN menyeru kerjasama para pengguna untuk menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dan menyalurkan maklumat-maklumat berhubung aktiviti menyelewengan, ketirisan, penyeludupan, manipulasi, penipuan dan kartel barang kawalan dan bersubsidi di lapangan untuk kesejahteraan pengguna.

Selain itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat juga boleh menyalurkan aduan yang lengkap dan tepat kepada pihak KPDN melalui saluran berikut:

- i. Aplikasi WhatsApp ke 019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <https://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800; dan
- iv. Aplikasi telefon pintar Ez Adu KPDN.

DATUK AZMAN ADAM

Ketua Pengarah Penguin kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Putrajaya

21 Mei 2025

